

Kejayaan LUAR BIASA

"**B**angkit Bersama", merupakan slogan yang diangkat bagi meraikan temasya Sukan SEA ke-29 yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 20 hingga 30 Ogos yang lalu. Slogan tersebut juga secara tidak langsung membawa tuah yang cukup bermakna kepada negara kerana buat julung kalinya pencapaian atlet negara berada pada tahap yang cukup membanggakan sepanjang sejarah penganjuran Sukan SEA yang bermula pada tahun 1958.

Kutipan emas melebihi sasaran yang diberikan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia sememangnya suatu pencapaian yang cukup bermakna





KUALA LUMPUR 2017

bukan sahaja kepada para pegawai yang terlibat secara langsung dalam hal mempersiapkan atlet negara, tetapi juga kepada rakyat di negara ini yang tidak jemu turun padang memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada wira dan wirawati negara.

Kutipan 145 pingat emas menjangkau daripada sasaran asal 111 pingat emas. Kejayaan ini merupakan hadiah yang paling bermakna kepada negara yang pada keesokan harinya menyambut Hari Kebangsaan yang ke-60. Kejayaan ini juga membuktikan setiap persatuan berjaya memainkan peranan masing-masing untuk memastikan temasya kali ini adalah yang terbaik pencapaiannya dari segi pungutan pingat emas.

Menurut Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Ahmad Shapawi Ismail, pencapaian di pentas Sukan SEA sentiasa menjadi landasan utama penilaian bagi mana-mana atlet sebelum diberi peluang mencipta nama di pentas yang lebih besar. Yang lebih bermakna ialah apabila 31 peratus daripada 371 atlet dalam 38 jenis sukan yang meliputi 404 acara diwakili oleh atlet muda yang berumur 21 tahun ke bawah.

"Semangat yang dipamerkan oleh atlet ketika menjadi tuan rumah amat berlainan kerana mereka lebih bersemangat dengan sokongan penyokong di

gelanggang sendiri, selain kombinasi atlet senior dan pelapis menghasilkan kejayaan kepada kontinjen negara," jelas Shapawi.

Sementara itu, Chef de Mission Datuk Marina Chin pula melahirkan rasa bangga dengan pencapaian kontinjen negara sebagai juara keseluruhan buat kali kedua selepas edisi 2001 yang juga berlangsung di Kuala Lumpur. Bagi Marina, kejayaan ini ialah hasil daripada komitmen semua atlet dan jurulatih, serta pegawai untuk menjayakan Sukan SEA kali ini. Hal ini merupakan suatu perjalanan yang menarik kepadanya dan berasa sangat bertuah bekerja dengan kontinjen yang hebat ini.

Hal ini juga menunjukkan bahawa proses yang berterusan untuk melahirkan jaguh sukan di negara ini bukan berada pada tahap yang membimbangkan. Dari segi pencapaian setiap sukan pula di temasya kali ini, sukan boling, gimnastik, olahraga, terjun dan basikal mempamerkan taring masing-masing apabila menjadi lubuk emas pasukan negara. Seperti ramalan sebelum ini, pasukan boling negara berjaya mencipta rekod baharu dengan meraih sembilan pingat emas mengatasi pencapaian emas pada tahun 1999 dan 2001.

Pasukan terjun negara pula garang di pusat akuatik negara dengan membolot kesemua pingat emas yang dipertandingkan. Kehadiran penerjun dunia dan penerjun Olimpik pastinya memberikan tonik terbaik kepada skuad terjun negara dalam misi meraih lebih banyak emas pada peringkat tertinggi seperti Sukan Asia dan Komanwel pada tahun hadapan.


Pasukan silat negara turut menepati ramalan awal apabila membawa pulang 10 pingat emas. Kejayaan ini melepasi sasaran awal persatuan, iaitu lapan pingat emas. Walau bagaimanapun, kehebatan pasukan pesilat negara sememangnya tidak boleh dipandang sepi oleh pesilat negara lain kerana kehadiran jaguh dunia, Mohd Al-Jufferi pasti membawa impak dan semangat yang lebih kepada pasukan negara.

Pasukan gimrama negara turut mencuri tumpuan apabila meraih lapan pingat emas daripada sasaran awal hanya enam pingat emas. Kehadiran gimnas berpengalaman negara, Farah Ann dan Koi Sie Yan sememangnya diramal mampu melahirkan butir emas kepada skuad gimrama negara. Yang paling mencuri tumpuan ialah Sie Yan yang meraih empat emas dalam acara gelung individu, belantan individu, berpasukan dan all-around individu.

Di Arena Axiata yang sememangnya menjadi tumpuan ialah acara reben biru yang menyaksikan Khairul Hafiz Jantan dinobatkan sebagai pelari ter pantas di Asia Tenggara sekali gus penantian selama 14 tahun untuk melihat jaguh pecut negara meraih emas di Sukan SEA berakhir. Walaupun melakukan catatan

masa 10.38 saat, tidak sehebat rekod peribadinya (10.18 saat), Hafiz yang juga dikenali sebagai Speedy Jantan ini telah membanggakan Malaysia pada usia 19 tahun.

Selain itu, kejayaan Grace Wong memecahkan rekod temasya dalam acara baling tukul besi merupakan antara pencapaian terbaik skuad olahraga negara. Untuk rekod, temasya kali ini menyaksikan skuad olahraga negara berjaya





memperbaharui empat rekod baharu. Tidak ketinggalan penyertaan jaguh paralimpik dunia, Muhammad Ziyad Zulkefli dalam acara kegemarannya, lontar peluru jelas memberikan bayangan bahawa atlet ini mampu menyaingi kehebatan atlet normal yang lain apabila meraih gangsa dalam penampilan pertamanya.

Antara sukan lain yang turut menyumbangkan pingat emas negara termasuklah sepak takraw (dua), memanah (lima), renang berirama (tiga), renang (empat), ekuestrian (enam), wushu (enam), ragbi (satu), gimnastik (lima), petanque (dua), tinju (satu), skuasy (enam), menembak (empat), pelayaran (enam), boling padang (tujuh), hoki (tiga), bola keranjang (satu), badminton (satu), karate (tujuh), kriket (satu), taekwondo (tiga), ski air (empat), luncur ais (lima), dan muay (dua).

Sebanyak 18 rekod baharu Sukan SEA pernah dicipta oleh atlet negara menerusi memanah (lima), menembak (enam), renang (tiga) dan olahraga (empat). Manakala lapan rekod kebangsaan diperbaharui menerusi olahraga (enam), renang (satu) dan memanah recurve (satu).

Kejayaan meraih juara keseluruhan dengan kutipan 145 emas, 92 perak dan 86 gangsa agak terencat apabila ibu segala pingat bagi kejohanan ini, bola sepak lelaki gagal diraih oleh skuad Datuk Ong Kim Swee apabila tunduk dengan pasukan Gajah Perang, Thailand dengan keputusan 1-0. Kegagalan ini menyaksikan Thailand meraih emas hatriknya, manakala skuad negara terus ketandusan pingat emas setelah memenangnya di Sukan SEA Jakarta 2011.

Walaupun apa-apa pun, kemenangan ini harus dilihat dan dianalisis oleh pegawai dan atlet negara terutamanya kontinjen Thailand apabila pada tahun ini membariskan ramai atlet pelapis negara tersebut. Selain itu, keupayaan Vietnam khususnya dalam acara olahraga yang memecahkan dominasi Thailand dalam disiplin sukan tersebut harus dipandang serius oleh kem olahraga negara.

Kegagalan skuad bola sepak negara masih boleh diterima kerana kesungguhan dan semangat juang yang

tinggi dipamerkan sepanjang aksi 90 minit perlawanan akhir berlangsung. Namun, kegagalan dan kekecewaan skuad sepak takraw negara dalam usaha meraih emas dalam acara regu harus dianalisis dan bedah siasat perlu dilakukan segera. Bermain di laman sendiri dengan aksi yang cukup longlai tidak seharusnya berlaku. Tewas di tangan Indonesia dan Thailand menyaksikan skuad takraw lelaki negara hanya mampu meraih gangsa dalam acara berpasukan.

Tidak ketinggalan kem badminton negara yang masih terus ketandusan pelapis untuk meraih emas dalam acara perseorangan lelaki, beregu lelaki dan beregu perempuan. Kejayaan Goh Jin Wei bukanlah pengubat kepada kem badminton, tetapi sebagai peringatan kepada kem tersebut agar lebih bersedia untuk menghantar jaguh yang mampu memberikan saingan kepada pasukan lain. Penguasaan dan peningkatan kem dari Indonesia dan Thailand, serta Vietnam telah menenggelamkan skuad badminton negara sebagai salah satu pasukan yang digeruni di rantau Asia.

Program Kita Juara harus diteruskan dan dimantapkan lagi bagi memastikan atlet yang benar-benar berpotensi dan berkeupayaan menyumbang pingat dalam sukan yang lebih besar seperti Komanwel, Asia dan Olimpik dapat dijelmakan sebelum bermulanya temasya tersebut. Pelaburan yang dikeluarkan semestinya harus dibayar kembali oleh atlet dengan meraih pingat atau setidaknya tidaknya memperbaharui rekod kebangsaan.

Selain itu, jawatankuasa induk penganjuran Sukan SEA juga harus melakukan siasatan akan masalah remeh yang timbul di lokasi-lokasi perlawanan seperti yang dilaporkan di dada akhbar sepanjang sukan SEA berlangsung. Kejayaan menganjurkan Sukan SEA ke-29 dan meraih juara keseluruhan Sukan SEA pada temasya kali ini boleh terencat sekiranya di dada akhbar luar negara dan media sosial berterusan mempertikaikan penganjuran sukan terbesar di Asia Tenggara pada kali ini. **SM**